

Wanita Umno Mahu Anwar Ambil Tahu Pembangunan Di Pulau Pinang
Bernama
26 September, 2012

NIBONG TEBAL, 26 Sept (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno Rabu menggesa Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya mengambil tahu apa yang berlaku di negeri yang diperintah pembangkang Pulau Pinang, kerana menurutnya pembangunan di negeri yang diketuai kerajaan DAP ini, lebih menumpukan kepada orang kaya.

Ketua Wanita Umno Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata maklum balas yang diterima pergerakan itu mendapati rakyat Pulau Pinang kecewa dengan corak pembangunan di situ.

"Wanita Umno nak minta Datuk Seri (Anwar) supaya baliklah ke Pulau Pinang, ambil tahu apa yang sedang berlaku. Apabila kita lihat apa yang sedang berlaku di Pulau Pinang sangat menyedihkan, projek yang dijalankan oleh kerajaan DAP beri tumpuan kepada orang kaya sahaja. Tak payahlah nak terbang dalam jet mewah ke sana sini," katanya jelas merujuk kepada pesawat peribadi yang digunakan Anwar dan beberapa pemimpin pakatan pembangkang baru-baru ini.

Shahrizat berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri program taklimat 'Salam Sayang' Wanita Umno Negeri Pulau Pinang di Sungai Acheh, di sini. Turut hadir ialah Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Pulau Pinang Datuk Zainal Abidin Osman.

Ketua Wanita itu juga mahu Anwar membuat penjelasan mengenai dakwaan bahawa ketua pembangkang itu akan menyerahkan sepenuhnya pentadbiran Pulau Pinang kepada DAP.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=697594>